



UUM ONLINE: Peminat Tomok dan Wira Merah akan gegarkan Stadium Kompleks Sukan Universiti Utara Malaysia (UUM) 29 Oktober (Jumaat) jam 9.00 malam ini.

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UUM, Prof Madya Dr Amy Azhar ketika ditemui semasa raptai penuh malam tadi berkata, Tomok yang juga Pelajar Luar kampus universiti ini akan membuka tirai persembahan artis pada 29 Oktober ini.

Manakala, Pasukan Akrobatik Motosikal Wira Merah dari Kor Polis / Tentera Diraja Kem Genting, Klang, Setapak akan turut menunjukkan aksi hebat mereka termasuk menunggang sebuah motosikal dengan muatan 20 anggota di majlis perasmian itu.

Ketangkasan mereka dengan aksi-aksi terhebat pastinya akan memberi kepuasan kepada penonton yang menyaksikannya.

"Persembahan yang penuh warna-warni malam tadi diharap akan mengamit penonton yang akan memenuhi ruang stadium pada Jumaat ini," ujar beliau lagi.

Antara artis lain yang akan berkampung di UUM ialah Shahir, Zahid, Didie, Hazama, Faris, Yasin, Kumpulan Nasyid Firdaus dan Kumpulan May.

Habis.

DARIPADA :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT